

Tingkatkan ilmu dalam pengurusan jenazah

BANDAR SERI BEGAWAN,
 Rabu, 19 Oktober. - Pelaksanaan
 pengurusan jenazah itu merupakan
 salah satu Fardu Kifayah ataupun
 tanggungjawab sosial bagi umat
 Islam. Oleh itu, mengetahui dan
 mempelajarinya adalah menjadi
 satu kewajipan bagi setiap individu
 Muslim.

Sehubungan itu, Universiti Islam
 Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui
 Pejabat Hal Ehwal Alumni dengan
 kerjasama Unit Kemahiran dan
 Latihan, Jawatankuasa Eksekutif
 Persatuan Alumni UNISSA
 telah mengambil inisiatif dengan
 mengadakan Program Fardu
 Kifayah : Pengurusan Jenazah
 yang berlangsung di Surau
 As-Syafi'i UNISSA, baru-baru ini.

Seramai 37 peserta dalam
 kalangan Alumni UNISSA
 menyertai program ini, di mana
 12 peserta lelaki dan 25 peserta
 perempuan.

Antara objektif program
 ini adalah untuk menambah
 dan memperkukuhkan ilmu
 pengetahuan dalam pengurusan
 jenazah agar peserta sentiasa
 bersiap sedia untuk tampil
 membantu menyempurnakan
 jenazah.



SERAMAI 37 peserta dalam kalangan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyertai Program Fardu Kifayah : Pengurusan Jenazah, yang antara lain bertujuan memberikan pengetahuan dan pendedahan secara praktikal kepada alumni UNISSA tentang cara pengurusan jenazah seperti mana yang dituntut dalam Islam.

Program ini juga diharap akan
 melahirkan insan yang boleh
 berbakti kepada masyarakat
 berdasarkan ilmu yang
 dipelajari dan bertanggungjawab
 dalam memikul tugas Fardu
 Kifayah ini.

Bengkel pengurusan jenazah
 lelaki dibimbing oleh Alumni
 UNISSA sendiri dan merupakan

fasilitator yang bertauliah serta
 berpengalaman iaitu Imam Tingkat
 II, Masjid Kampung Pulaie, Haji
 Nuralif bin Haji Taib.

Manakala Bengkel Pengurusan
 Jenazah Perempuan pula
 dibimbing oleh Penggapai dari
 Unit Tanah Perkuburan Islam,
 Kementerian Hal Ehwal Ugama,
 Hajah Siti Animi binti Haji

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Salleh dan Norlila binti
 Mohammad.

Turut hadir dan seterusnya
 menyampaikan sijil kepada
 fasilitator dan para peserta ialah
 Yang Dipertua Persatuan Alumni
 UNISSA Sesi 2021 / 2023,
 Muhammad Dzulhili bin Haji

Moharefandi.

Adapun tujuan program ini
 diadakan adalah bagi memberikan
 pengetahuan dan pendedahan
 secara praktikal kepada alumni
 UNISSA tentang cara pengurusan
 jenazah seperti mana yang dituntut
 dalam Islam.